



TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI



PENGENALAN



Tahun 2005 merupakan tahun yang amat signifikan buat Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) kerana pada tahun ini Pusat ICT telah melonjakkan keupayaannya ke tahap maksima di dalam memenuhi keperluan pembangunan Universiti semasa perlaksanaan beberapa projek strategik dan juga perubahan dari segi pentadbiran pengurusan.

Sejak tahun pertama ditubuhkan iaitu akhir tahun 2002, Pusat ICT telah mengorak langkah yang tersusun dan terancang hinggalah ke peringkat sekarang ini. Bermula dari 4 orang staf sokongan dan profesional, kekuatan sumber manusia telah berkembang sehingga meningkat kepada 23 orang staf pada tahun 2005 bagi menampung permintaan organisasi terhadap penggunaan teknologi maklumat. Di dalam proses peningkatan dan perkembangan ini, kesemua cabaran dan susahpayah dalam menyediakan kemudahan teknologi adalah merupakan suatu pengalaman yang amat berharga.



PENGIKTIRAFAN CEMERLANG

Pameran R & D IPTA 2005

Kebolehan pihak ICT untuk bersaing diperingkat kebangsaan dengan cemerlang telah terbukti apabila salah satu produk ICT iaitu Sistem k-Kedatangan telah menggondol pingat perak di dalam Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005 di mana lebih 300 produk IPTA bersaing. Pameran ini telah dijalankan di Putra World Trade Centre (PWTC) dan disertai oleh IPTA IPTA dari seluruh negara yang mempamerkan pelbagai hasil produk tempatan. Pameran yang diadakan selama tiga (3) hari berturut-turut ini, telah dirasmikan pada hari pertama oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan tetamu kehormat semasa majlis makan malam adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2005

Pada tahun 2004, Pusat ICT telah menyertai Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (APT 2004) dan mempertaruh pencalonan terhadap laporan “ *KUKUMNET : Pengurusan Distributed Campus Menggunakan Rangkaian Berkelajuan Tinggi* ”. Pada tahun berikutnya, Pusat ICT sekali lagi menyertai pencalonan APTM tersebut. Pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia melalui Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) adalah membanggakan pada kali ini apabila KUKUM, melalui pencalonan “ *Integrated University System* ” oleh Pusat ICT telah mendapat tempat merit peringkat akhir bagi Anugerah Perdana Teknologi Maklumat, Sektor Awam 2005.

KURSUS PEMANTAPAN ICT

Dari perspektif yang menjurus ke arah manfaat masyarakat setempat, pihak Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kursus Pemantapan Kemahiran Komputer yang disasarkan dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negeri Perlis. Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan masyarakat setempat dengan kemahiran penggunaan aplikasi perisian asas komputer dan pengenalan berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT.



Kursus pemantapan kemahiran komputer ini menekankan mengenai aplikasi Microsoft Office (Word, Excel, dan Powerpoint) dan Kemahiran Internet secara mendalam melalui 4 buah modul yang disediakan oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) KUKUM. Sehingga kini, 5 sesi kursus telah berjaya dijalankan di sepanjang tahun 2005 dan diharap usaha ini dapat dimanfaatkan oleh para peserta dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dalam bidang ICT di samping dapat memupuk semangat ingin belajar untuk terus maju ke hadapan.

HELPDESK

'Helpdesk' merupakan meja bantuan melalui perkhidmatan Mel Elektronik yang disediakan oleh Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) untuk membolehkan pengguna membuat aduan atau laporan berkenaan perkhidmatan "online" (*Online Application Services*) yang disediakan oleh pihak ICT.



Tujuan meja bantuan ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan sokongan kepada semua kakitangan yang menghadapi masalah untuk mendaftar / memasuki Portal, email, sistem k-kedatangan dan lain-lain aplikasi. Maklumat hanya akan diberi kepada pemegang akaun untuk tujuan keselamatan.

E-LEARNING : KUKUM LEARNING MANAGEMENT SYSTEM (LMS)

Merupakan sistem pengurusan pembelajaran berasas-web yang dibangunkan bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran serta boleh dijalankan pada bila-bila masa. Kandungan Pembelajaran boleh menggunakan pelbagai format samada teks, gambar, animasi, simulasi, audio atau video. Ia juga mempunyai mekanisme untuk mengorganisasi fail bagi tujuan pengajaran serta fasiliti-fasiliti tambahan bagi kemudahan perbincangan kumpulan dan online tutor.

Dibangunkan menggunakan sumber terbuka dimana Bahasa Pemrogramannya ialah PHP, Pelayan Web Apache dan Sistem Pengoperasian LINUX Advance Server. Ia terdiri daripada tiga modul utama iaitu Modul Pentadbir, Modul Pensyarah dan Modul Pelajar. Fungsi utama pula ialah 'Course Description', 'Lessons Plan', 'Announcements', 'Docs & Links', 'Exercises', 'Learning Path', 'Assignments', 'Forums', 'Groups', 'Users', 'Chat' dan 'Course Setting'.

Antara kelebihan dan faedah yang didapati daripada KUKUM LMS ialah ;

Pertama : Tidak memerlukan lesen pengguna/kampus kerana dibangunkan daripada penggunaan sumber terbuka.

Kedua : Semua perisian untuk pembangunan KUKUM LMS ialah percuma dan boleh dimuatturun dari internet. Organisasi hanya perlu memperuntukkan bajet untuk perkakasan dan jalurlebar sahaja.

Ketiga : Berkonsepkan 'paperless', di mana semua bahan pengajaran, pengumuman, pelan pengajaran dan latihan dmuatnaik ke web.

Keempat : Ia amat sesuai untuk kampus yang mempunyai pola bangunan yang berselerak dan akhir sekali, ia dapat mengurangkan penggunaan alat bantu pengajaran secara tradisional seperti papan putih, kabinet dan toner pencetak.

PERANCANGAN STRATEGIK YANG DICAPAI SEPANJANG 2005



A. Pemantapan Tahap Perkhidmatan ICT & Kepuasan Pelanggan

Diukur melalui 2 cara iaitu dari segi kolektif dan perseorangan. Secara kolektif ia diukur melalui Mesyuarat Pengurusan Universiti, Mesyuarat Senat Universiti, Perbincangan dan Persembahan (demo) Kepada Pelanggan, Perbincangan Pengarah Pusat Komputer Bersama Dengan Staf Pusat Komputer dan Maklumbalas Pengguna Melalui Portal KUKUM (Bersama Pengurusan).

Secara perseorangan pula ia diukur melalui Maklumbalas Melalui Surat, Maklumbalas Melalui Telefon, Maklumbalas Melalui Emel, Maklumbalas Melalui Cadangan/Komen Yang Diletakkan di dalam Kotak Cadangan dan Maklumbalas melalui soal selidik (questionnaire).



B. Membudayakan Penggunaan ICT Di Kalangan Staf KUKUM & Masyarakat Luar

Mengadakan Kursus Pemantapan Kemahiran Komputer secara bersiri. Kursus ini menekankan 4 aplikasi utama penggunaan komputer iaitu Microsoft Office (Word, Excel, dan Powerpoint) dan Kemahiran Internet berpandukan 4 buah modul yang disediakan oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) KUKUM. Sasaran peserta adalah kepada penduduk setempat terutamanya pelajar sekolah dan kakitangan kerajaan. Kerjasama di antara Pusat ICT bersama-sama Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerja (UKKP) serta Kerajaan Negeri Perlis terbukti menunjukkan pengelolaan yang baik setelah 5 siri kursus berjaya dijalankan.

C. Membantu Proses Pengajaran & Pembelajaran Di KUKUM

Learning Management System (LMS) atau dengan kata lain dikenali sebagai E-Learning, berada dalam status pembangunan pada tahun 2005. E-Learning adalah merupakan sistem pengurusan pembelajaran berasaskan web yang dibangunkan bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran serta boleh dijalankan pada bila-bila masa. Kandungan Pembelajaran boleh menggunakan pelbagai format samada teks, gambar, animasi, simulasi, audio atau video. Ia juga mempunyai mekanisme untuk mengorganisasi fail bagi tujuan pengajaran serta fasiliti-fasiliti tambahan bagi kemudahan perbincangan kumpulan dan online tutor